

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH  
BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah pendirian Kementerian berkenaan cadangan penanaman ganja kesihatan bagi tujuan perubatan?

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, penanaman *Cannabis sativa* atau hemp adalah dilarang dan tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan penyelidikan. Sebelum hemp boleh ditanam untuk tujuan industri mahupun perubatan, kajian yang terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Kajian tersebut perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk ekonomi, sosial, dan keselamatan. Bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan hemp yang boleh meningkatkan gejala penagihan dadah, aspek kawalan dan pemantauan dari segi perundangan dan keselamatan perlu diberi perhatian. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi berkepentingan lain sedang mengkaji potensi penanaman hemp di Malaysia. Kajian ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya 2 tahun.

Sekian, terima kasih.